

BAB 4 : PEMIKIRAN NIK MUHAMMAD SALLEH WAN MUSA
DALAM KULIAH PENGAJIAN AL-QUR'AN

4.0 Pendahuluan

Nik Muhammad Salleh Wan Musa banyak mengemukakan idea-idea pembaharuan dalam karya *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini ketika membincangkan prinsip-prinsip asas dalam memahami al-Qur'an. Idea-idea yang beliau kemukakan ini merupakan hasil daripada analisis beliau terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan masyarakat Islam ketika itu. Dalam bab ini, penulis akan membincangkan beberapa idea pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa yang berkaitan dengan *nubuwwah*, persaudaraan Islam, Islam dan nasionalisme, persoalan Islam mengandungi kekerasan, dan seruan kembali kepada al-Qur'an dan al-sunnah seperti yang terdapat dalam karya *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.

4.1 Konsep *Nubuwwah*

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, *nubuwwah* adalah satu keperluan bagi setiap manusia yang hidup di dunia ini. Mereka yang mempunyai taraf pengetahuan *nubuwwah* sentiasa ada dalam kalangan semua manusia dalam mana-mana bangsa, benua, zaman dan abad, sejak lahir Nabi Adam hinggalah ke hari kiamat. Kehadiran golongan yang mempunyai pengetahuan *nubuwwah* ini adalah untuk memenuhi kehendak Allah SWT supaya memimpin manusia dan menunjuk mereka supaya mengenal kebenaran dan mencapai kebahagiaan yang abadi.¹

¹ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. t.t.p: t.p., Bil. 3 edisi Jawi., h. 10.

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa lagi, setiap kaum telah diutuskan nabi berdasarkan firman Allah dalam al-Qur'an iaitu ayat 16 surah *al-Naḥl*, ayat 24 surah *al-Fāṭir*, ayat 78 surah *al-Mu'min*.² Menurutnya, rasul dan nabi yang diceritakan oleh Allah di dalam al-Qur'an adalah seperti Nabi Musa, Nabi Isa, Zakaria, Ibrahim, Ismail, Ishak dan lain-lain.³ Menurutnya lagi, nabi-nabi yang dibangkitkan sebelum nabi Musa seperti Nabi Nuh, Ibrahim, Salih, Hud dan sebagainya diutuskan untuk satu-satu kaum tertentu sahaja, manakala Nabi Musa pula diutuskan untuk kaumnya sahaja, bagaimanapun dasar pengajaran Nabi Musa adalah lebih luas daripada dasar pengajaran nabi-nabi sebelumnya, dan hanya Nabi Muhammad sahaja yang diutuskan untuk sekalian umat manusia dalam alam ini berdasarkan ayat 28 surah *Sabā'*(34):

فَعَلَّمَ

Ertinya: Tidak Kami utuskan dikau (Wahai Muhammad) kecuali untuk sekalian manusia, menyuka dan menakutkan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.⁴

Surah *Sabā'*(34):28

Dengan berpandukan kepada pendapat Shāh Walī Allah al-Dihlawī,⁵ beliau menyatakan bahawa Allah mengutuskan nabi-nabi dari bangsa itu sendiri dan menurunkan kitab dengan bahasa mereka juga, manakala syariat pula adalah mengikut kehendak dan kemampuan mereka masing-masing.⁶

Kedatangan seseorang nabi pada zaman manapun tidak bererti mereka membawa suatu pendapat, iktikad, dan adat resam yang baru sebaliknya Allah mengutuskan nabi-nabi

² *Ibid.*, Bil. 4, edisi Jawi., h. 11.

³ *Ibid.*, h. 11-12.

⁴ *Ibid.*, Bil. 5, edisi Jawi, h. 15.

⁵ Shāh Walī Allah al-Dihlawī (1970), *al-Taḥfīmāt al-Ilāhiyyah*. Hyderabad: Akādimiyyah al-Shāh Walī Allah al-Dihlawī, h. 92.

⁶ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 19, edisi Jawi., h. 71.

itu adalah untuk menyampaikan rahmatNya, justeru itu Allah mengutuskan nabi itu dengan sesuatu yang bersesuaian dengan kemampuan sesuatu kaum itu.⁷ Kerana itulah nabi diutuskan dengan pengetahuan yang boleh membawa manusia dengan kelayakan dan kebolehan mereka yang semula jadi telah ada pada mereka supaya dapat disesuaikan dengan kehendak akhlak dan kesopanan manusia.⁸

Selain golongan Nabi yang mempunyai taraf *nubuwwah*, Nik Muhammad Salleh Wan Musa turut menjelaskan tentang peranan golongan *al-mufahhamūn* iaitu satu golongan yang mempunyai peranan dan kefahaman yang hampir sama dengan Nabi. Golongan *al-mufahhamūn* ini merupakan golongan yang diperlukan oleh manusia dan telah diutuskan oleh Allah untuk memberi petunjuk kepada umat manusia.⁹ Mereka merupakan golongan yang mempunyai pengetahuan *nubuwwah* sekalipun tidak dikurniakan martabat *nubuwwah*.¹⁰

Golongan *al-mufahhamūn* ini merupakan golongan yang bijaksana dan mengetahui ilmu pengetahuan untuk memimpin manusia ke jalan yang benar. Ini kerana meskipun di dalam diri manusia, akal dan ruh kemalaikatan yang telah terdapat dalam diri mereka untuk menunjukkan mereka jalan yang benar, manusia turut mempunyai ruh kehaiwanan yang mampu mempengaruhi akal untuk berbuat jahat dan menurut nafsu. Di samping itu, manusia turut terdedah kepada kelemahan yang berpunca daripada salah faham dan juga adat resam.¹¹

⁷ *Ibid.*, Bil. 19, edisi Jawi., h. 71.

⁸ *Ibid.*, h. 72.

⁹ *Ibid.*, Bil. 2, edisi rumi, h. 4.

¹⁰ *Ibid.*, h. 6.

¹¹ *Ibid.*, h. 6.

Justeru itu, golongan *al-mufahhamūn* yang memiliki kebijaksanaan, fitrah yang bersih dan tinggi martabatnya dalam hubungan dengan *al-malakut* ini diperlukan untuk menunjuk ajar kepada manusia dalam sesuatu masyarakat yang terkumpul di dalamnya pelbagai adat resam, akidah kepercayaan dan darah keturunan yang bermacam-macam. Kelebihan yang mereka miliki tidak terdapat pada orang lain.¹²

Oleh kerana peranan golongan *al-mufahhamūn* ini adalah untuk menunjukkan jalan yang benar kepada masyarakat, maka kehadirannya di sisi masyarakat adalah sesuatu yang wajib dan mesti serta mustahak demi memenuhi keperluan fitrah manusia yang memerlukan mereka dan kehadirannya bukanlah bersifat pilihan yang boleh difikirkan sesuai atau tidak di sisi syarak.¹³

Golongan *al-mufahhamūn* ini menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, terbahagi kepada *al-kāmil*,¹⁴ *hākīm*,¹⁵ *khalīfah*,¹⁶ *al-mu'ayyad bi rūh al-quds*,¹⁷ *hādiyā mazkiyā*,¹⁸ *imām*,¹⁹ dan *mundhir*²⁰ seperti mana yang telah dibahagikan oleh Shāh Walī Allah al-Dihlawī dalam kitabnya *Hujjah Allah al-Bālighah*.²¹

¹² *Ibid.*, h. 6.

¹³ *Ibid.*, h. 7.

¹⁴ Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, *al-kāmil* bermaksud mereka yang menerima pengetahuan-pengetahuan yang berhubung dengan *tahdhīb al-nafs* (membersih jiwa) dengan amal ibadat, daripada Allah SWT, lihat Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 2, edisi rumi, h. 5.

¹⁵ *Hākīm* ialah mereka yang menguasai akhlak *al-faḍīlah* dan pengetahuan-pengetahuan bagi tadbir rumah tangga dan sebagainya, Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 2, edisi rumi, h. 5.

¹⁶ *Khalīfah* ialah mereka yang menguasai pengetahuan *siasah* pada keseluruhannya, kemudian beliau diberi hidayah untuk mendirikan keadilan di dalam masyarakat manusia dan membasmi kezaliman di kalangan mereka. Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 2, edisi rumi, h. 5.

¹⁷ *Al-mu'ayyad bi rūh al-quds* ialah mereka yang disokong dengan roh suci mereka, yang bermaksud yang dihampiri oleh Jamaah Malaikah yang tertinggi (ملاء الأعلى) serta mengajar kepadanya sesuatu dan menurunkan *khitāb* kepadanya dan juga memperlihatkan kepadanya sesuatu dari Alam Malakut dan lahiriah pelbagai keramat di atas tangannya, Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 2, edisi rumi, h. 5.

¹⁸ *Hādiyā mazkiyā* ialah petunjuk dan pendidik dan bermaksud mereka yang dilahirkan pada lidah dan hati mereka dengan suatu cahaya yang dapat memberi manfaat kepada manusia lain apakala bersahabat dengannya dan mendengar nasihatnya serta mewariskan kepada sahabat-sahabatnya semangat ketenangan dan cahaya hingga mereka sampai kepada peringkat kesempurnaan, serta beliau bersungguh-sungguh

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa lagi, golongan *al-mufahhamūn* ini merupakan golongan yang mempunyai pengetahuan *nubuwwah* sekalipun tidak dikurniakan martabat *nubuwwah*. Contohnya ialah, Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq, dan Umar al-Faruq yang boleh memberi fikiran dan pendapat kepada Nabi Muhammad SAW, malah Nabi turut meminta pendapat daripada sahabat-sahabatnya yang mempunyai pengetahuan *nubuwwah* ini.²²

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, golongan *al-mufahhamūn* ini mempunyai kefahaman dan pengetahuan *nubuwwah*, justeru itu beliau menafikan bahawa dengan kebangkitan utusan Nabi Muhammad SAW sebagai *khatam al-nabiyyīn*, golongan yang berpengetahuan *nubuwwah* juga berakhir, dan bermaksud tidak akan ada lagi seseorang yang mampu memahami al-Qur'an dan menyebarkan isi kandungannya. Menurut beliau lagi, tidak mungkin seorang yang jahil dengan pengetahuan *nubuwwah* boleh memahami al-Qur'an yang telah diturunkan oleh Allah menurut ukuran kebijaksanaan Nabi Muhammad SAW.²³

hendak menunjuk jalan itu kepada manusia. Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 2, edisi rumi, h. 5.

¹⁹ *Imān* iaitu pemimpin merupakan mereka yang menguasai pengetahuan kaedah-kaedah pembentukan *millah* yang bererti kebangsaan yang berdasarkan syariat Ilahiyyah dan kemaslahatannya, serta ia bersungguh-sungguh hendak mendirikan *millah-millah* yang telah runtuh. Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 2, edisi rumi, h. 6.

²⁰ *Mundhir* ialah orang yang memberi amaran bahaya balasan Ilahi, bermaksud mereka yang diilham ke dalam hatinya supaya memberi amaran kepada manusia dengan suatu revolusi dan mala petaka yang telah ditakdir ke atas mereka mengikut aturan kanun alam di dalam dunia ini, atau sedar dengan laknat Allah kepada suatu kaum, lalu mengkhabarkan kepada manusia dengan yang demikian, atau mengasingkan dirinya daripada tawanan nafsunya pada suatu ketika, maka ternampaklah ia akan suatu yang akan berlaku di dalam kubur dan padang mahsyar kelak maka ia mengkhobar kesemua hal-hal itu kepada manusia. Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 2, edisi rumi, h. 6

²¹ Shāh Walī Allah al-Dihlawī (2005), *Hujjah Allah al-Bālighah*, j.1. Beirut:Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 160.

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*, Bil. 3, edisi Rumi, h. 9.

Bagaimanapun, golongan *al-mufahhamūn* yang mempunyai pengetahuan *nubuwwah* ini tidak lagi digelar Nabi kerana dikhuatiri membawa kepada kekeliruan dengan martabat Nabi Muhammad SAW sebagai *khātam al-nabiyyīn* seperti yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an.²⁴ Justeru itu, mereka digelar *mujaddid* atau ahli hikmah dan sebagainya.²⁵

Justeru itu Nik Muhammad Salleh Wan Musa menegaskan bahawa fahaman yang dikurniakan oleh Allah kepada golongan *al-mufahhamūn* yang memiliki pengetahuan *nubuwwah* merupakan golongan layak mentafsir dan menta'*wīl* ayat al-Qur'an samada *muhkamāt* mahupun *mutashābihāt*,²⁶ merupakan panduan yang ditinggalkan bagi manusia.

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa lagi setiap umat diutuskan dengan golongan *al-mufahhamūn* yang memiliki pengetahuan *nubuwwah*, bagaimanapun darjat *nubuwwah* dan darjat ilmu pengetahuan golongan yang diutuskan itu adalah tidak sama, pada sebahagian tempat, Allah mengutuskan seorang *al-kāmil*, di tempat lain pula seorang *al-mundhir*, dan di tempat lain pula *hākim*.²⁷

Menurutnya lagi, golongan *al-mufahhamūn* merupakan golongan nabi yang diutuskan tetapi tidak diceritakan oleh al-Qur'an seperti firman Allah iaitu ayat 78 surah *al-Mu'min*:

²⁴ *Ibid.*, Bil. 3, edisi rumi, h. 8.

²⁵ *Ibid.*, h. 9.

²⁶ Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah membincangkan dengan lebih lanjut tentang maksud ayat *Āli 'Imrān* (3):7 yang menjelaskan tentang adanya golongan yang memahami ayat-ayat *muhkamāt* dan *mutashābihāt* yang terdapat dalam al-Qur'an, lihat Nik Muhammad Salleh Wan Musa(t.t), *op.cit.*, Bil. 38,39, dan 40.

²⁷ *Ibid.*, Bil. 5, edisi Jawi, h. 13-14.

Ertinya: Dan sesungguhnya telah Kami utuskan beberapa Rasul sebelum daripada engkau wahai Muhammad setengah daripada mereka itu ialah rasul-rasul yang Kami telah ceritakan kepada engkau dan setengah lagi rasul-rasul yang Kami tak pernah menceritakan hal mereka itu kepada engkau.²⁸

Surah *al-Mu'min* (40):78

Walaupun tiada ayat yang menjelaskan kebangkitan nabi-nabi di benua tersebut, ini tidak bermakna mereka tidak menerima risalah kenabian. Ini kerana nabi yang diutuskan ke benua tersebut adalah bertaraf *al-mufahhamūn* yang termasuk dalam gelaran nabi pada zaman mereka.²⁹

4.2 Persaudaraan Islam

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, persaudaraan Islam yang sebenar menurut Islam adalah persaudaraan yang didasarkan kepada akidah Islam. Nabi Muhammad SAW telah menyeru kepada semua ahli agama lain supaya bersatu padu di atas lunas kebenaran yang sama mengikut ajaran Nabi masing-masing, malah al-Qur'an telah memerintahkan Nabi Muhammad SAW supaya membentuk suatu badan yang dinamakan persaudaraan Islam kerana menurutnya semua ahli-ahli agama itu satu pada agamanya.³⁰

Malah menurutnya lagi para ulama telah tersilap faham tentang persaudaraan Islam kerana menyangka bahawa persaudaraan Islam hanyalah digunakan bagi *millah* Muhammadiyyah semata-mata.³¹ Sedangkan menurutnya hakikat yang sebenar ialah al-

²⁸ *Ibid.*, Bil. 4, edisi Jawi, h. 11.

²⁹ *Ibid.*, h. 12.

³⁰ *Ibid.*, Bil.9, edisi Jawi, h. 31.

³¹ *Ibid.*, h. 31.

Qur'an telah menerangkan bahawa agama yang diwahyu oleh Allah SWT kepada nabi-nabi sejak Nabi Adam hingga Nabi Muhammad SAW hanyalah Islam sahaja.³²

Justeru itu menurut beliau, adalah menjadi tanggungjawab umat Islam untuk membentuk persaudaraan yang terdiri daripada penganut *millah* lain berdasarkan ayat 62 surah al-Baqarah yang menjelaskan setiap umat yang berkeyakinan dengan mana-mana Nabi yang dibangkit kepada mereka dan kitab yang diturunkan kepada mereka menerusi nabi-nabi adalah golongan mu'minin semuanya.³³ Bagaimanapun, iman mereka tidak memadai dengan beriman kepada nabi-nabi dan kitab-kitab mereka sahaja, justeru itu Nabi Muhammad SAW diperintah supaya menyeru mereka itu menyempurnakan iman yang telah ada dalam dada mereka masing-masing mengikut pengetahuan khusus pada zaman dibangkit nabi-nabi mereka, dengan mengakui beriman kepada segala rasul-rasul dan kitab-kitab mengikut pimpinan Nabi Muhammad SAW dari panduan al-Qur'an.³⁴ Hal ini dapat difahami daripada ayat 136 surah *al-Baqarah*, 84, 85, 86 surah *Āli Imrān*, dan 136 surah *al-Nisā'*.³⁵

Menurut beliau, ayat-ayat tersebut membawa maksud bahawa dengan beriman kepada kesemua rasul sebagai utusan yang sama tujuan dan dasar seruannya serta dengan menyatukan kesemua ajaran yang diturunkan di dalam kitab-kitab itu, umat manusia akan dapat melahirkan semangat kebenaran yang sama di dalam hati masing-masing dan daripada situ terciptalah *mahabbah*, dan ihsan di antara mereka. Daripada situ perasaan tolong-menolong serta semangat bekerjasama dan bersemangat adil yang merupakan teras

³² *Ibid.*, h. 31.

³³ *Ibid.*, h. 32.

³⁴ *Ibid.*, Bil. 10, edisi Jawi, h. 33.

³⁵ *Ibid.*, h. 33-35.

utama bagi pembentukan sebuah masyarakat yang merdeka dan kebahagiaan umat manusia dapat diwujudkan.³⁶

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, asas-asas seruan Nabi Muhammad SAW itu telah ditetapkan, bahawa setiap ahli *millah* seperti kaum Yahudi, kaum Nasrani, kaum Majusi, kaum Hindu dan lain-lain lagi untuk menyertai ke dalam *millah ḥanīfiyyah* yang dianjurkan oleh al-Qur'an, perlu mematuhi peraturan bagaimana berikut:

- 1) Bersefahaman tentang keesaan Allah SWT (tauhid) dan kesucian dari segala kekurangan serta bersifat dengan kepujian dan kesempurnaan.
- 2) Bersefahaman tentang menjauhi segala jenis bentuk syirik baik pun dalam amal ibadah, *isti`ānat* iaitu memohon pertolongan, zikir, sembelihan binatang-binatang, nazar, sumpah dan menyucikan dari sifat beranak, beristeri, lupa, lali, lemah, jahil, bakhil dan zalim.
- 3) Bersefahaman tentang perlu menyucikan segala nama-nama Allah atau *asmā' al-husnā* dari sesuatu yang boleh menunjukkan kekurangan atau kecacatan.
- 4) Bersefahaman tentang tidak harus membicarakan, bagaimanakah Allah SWT itu bersifat dengan segala sifat-sifat kesempurnaan yang sabit padanya.
- 5) Bersefahaman tentang mengakui dengan utusan atau risalah yang dibawa oleh sekalian rasul daripada Allah SWT, dan mengakui kitab-kitab yang diturun menerusi mereka itu, dan mengakui adanya malaikat serta perlu menyucikan mereka daripada segala kejahatan, dan mesti pula beradab sopan dengan mereka dan juga mengakui adanya hari hisab amal dan segala janji-janji yang dikhabarkan oleh Allah SWT kepada manusia tentang hal-hal di negeri akhirat kelak.

³⁶ *Ibid.*, h. 35.

- 6) Bersepakat melaksanakan perkara-perkara yang dapat menjaga kepentingan *millah ḥanīfiyyah* dan menegakkan asas-asasnya.³⁷

Setelah persefahaman tersebut dicapai, satu umat yang benar-benar bersifat setia dan sanggup menjunjung falsafah hidup yang diajar oleh al-Qur'an untuk kebaikan seluruh umat manusia akan dapat dilahirkan.³⁸

Nik Muhammad Salleh Wan Musa turut mengecam kegagalan Jamaluddin al-Afghani dalam menyatukan umat Islam. Beliau menyifatkan kegagalan utama "*al-Ittiḥād al-Islāmīyy*" yang dipimpin oleh Jamaluddin al-Afghani dan ulama-ulama Mesir, India dan lain-lain adalah kerana lunas-lunas pembentukannya yang tidak mengikut asas-asas pengajaran al-Qur'an yang telah menyeru supaya persaudaraan Islam itu dibentuk daripada *millah* yang berlainan mengikut asas kepercayaan masing-masing dan keimanan mereka terhadap kitab-kitab yang dibawa oleh rasul mereka.³⁹

Menurutnya lagi, sekalipun pertubuhan pimpinan Jamaluddin al-Afghani ini mempunyai ikatan yang amat luas dan pengaruh yang amat besar di seluruh dunia tetapi usaha mereka tidak dapat memberi apa-apa kebaikan kepada umat Islam baikpun dari segi pelajaran, didikan ekonomi, malah dari segi politik, badan ini telah dihancurkan dalam arus pergolakan politik penjajah barat yang telah lama bercita-cita hendak menghancurkan khilafah Uthmaniyyah di Turki, maka badan *Ittiḥād Islāmīyy* ini telah dijadikan alat bagi maksud itu.⁴⁰

³⁷ *Ibid.*, Bil. 15, edisi Jawi, h. 54-55.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*, Bil. 9, edisi Jawi, h. 31-32.

⁴⁰ *Ibid.*

Bagaimanapun menurut penulis, kecaman Nik Muhammad Salleh Wan Musa ini adalah dakwaan semata-mata kerana sekalipun Jamaluddin al-Afghani tidak berjaya menyatukan ummah pada zaman hidupnya, tetapi beliau telah berjaya menyedarkan kebanyakan umat Islam supaya bangkit daripada lena, dan bangun menentang penjajah. Aktiviti yang dilakukan oleh pengikut-pengikutnya menerusi tulisan dan pertubuhan menyebabkan rakyat bangkit dan berjaya mencapai kemerdekaan secara sedikit demi sedikit daripada kuasa penjajah barat.

Jamaluddin al-Afghani semasa hayatnya telah menyeru kepada kesatuan Islam dengan menekankan dan memusatkan kepada sudut politik. Beliau menyeru supaya diwujudkan had paling minima bagi solidariti politik di kalangan umat Islam, bagi mengembalikan negara mereka yang hilang dan memelihara milik umat Islam yang masih dalam tangan mereka. Beliau memberi amaran tentang bahaya perpecahan mazhab di antara ahli Sunnah dan Syiah.⁴¹

Beliau menyeru ke arah kesatuan politik dan pemantapan hubungan di kalangan umat Islam sehinggalah umat Islam kembali menjadi saudara yang bersatu dan dihimpunkan di bawah panji negara yang satu dan besar. Menerusi makalah-makalah tulisan beliau yang diterbitkan dalam majalah *al-'Urwah al-Wuthqa*, beliau juga telah menyeru kepada kesatuan Islam dan kepada penubuhan kerajaan Islam yang menghukum

⁴¹ Eeman Mohamed Abbas (2001), “ Sultan `Abd al-Hamid II dan Pertentangan dengan Gerakan Nasionalis dan Minoriti dalam Pemerintahan `Uthmaniyy dari tahun (1876-1909M.1293-1327): Suatu Kajian Sejarah dan Pemikiran.” ((Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 640.

berdasarkan al-Qur'an penuh dengan keadilan dan kebebasan, ia akan menjadi pusat utama bagi seluruh umat Islam.⁴²

Selain itu, Jamaluddin al-Afghani menyeru ke arah memerangi pemerintah yang zalim, mengajak ke arah memperbaharui agama sehingga sesuai dengan tuntutan peredaran zaman moden dengan memetik faedah daripada tamadun Barat serta menggabungkan antara ilmu sains dan agama dan meminta agar umat Islam melakukan ijtihad dalam urusan keagamaan dan keduniaan mereka. Beliau juga menuntut umat Islam meninggalkan segala sifat buruk seperti kedunguan, kecuaiian, kegilaan, dengki, hasad, takbur, penghinaan, khianat, pendustaan, dan kezaliman.⁴³

Menurut penulis, sekiranya prinsip asas mengenai persaudaraan Islam yang terkandung di dalamnya agama-agama yang ada di dunia seperti yang dicadangkan Nik Muhammad Salleh Wan Musa diakui, belum tentu umat dalam pandangannya akan mencapai satu kesatuan ummah sehingga ke hari ini. Ini kerana setiap agama tersebut telah diselewengkan, berpecah dan tidak bersatu,⁴⁴ malah setiap agama itu mengambil kesempatan dan melancarkan perang ke atas agama lain. Ini dapat dilihat apabila penjajah Barat yang beragama Kristian mula menguasai negara-negara timur yang beragama Islam atas tiga tujuan utama iaitu kekayaan, agama, dan kemegahan.⁴⁵

⁴² *Ibid.*, h. 642.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Menurut Prof Hamka dalam tafsir al-Azhar, sehingga kini tidak terdapat persamaan di antara gereja-gereja tentang kedudukan tiga tuhan, sehingga Orthodox dengan Katholik tidak dapat bersatu, Protestant dan Lutheran tidak bersatu, dan masing-masing mempunyai fahaman sendiri. Lihat Hamka(1984), *Tafsir al-Azhar Juzu' 10*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 2924-2925.

⁴⁵ Antara contoh penjajahan barat atau mereka yang beragama Kristian terhadap Islam ialah apabila bangsa-bangsa Kristian Eropah memerangi pusat-pusat negeri Islam selama 200 tahun dalam perang Salib sehingga mereka dapat mendirikan kerajaan Kristian di Jerusalem selama 90 tahun lamanya. Kemudian mereka menjajah dunia Islam yang lain dengan belanja berjuta-juta Pound dan Dollar, kini negeri Islam telah kembali merdeka daripada penjajahan mereka. Hamka (1984), *op.cit.*, h. 2939.

4.3 Islam dan Nasionalisme

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, Islam telah meletakkan asas segala peraturan hidup dan perundangan bagi setiap individu di atas semangat nasionalisme yang menjadi tabiat semulajadi atau fitrah setiap individu. Allah telah mengutuskan nabi-nabi kepada kaum-kaum tertentu yang jelas menunjukkan kepentingan semangat nasionalisme dalam hidup manusia.⁴⁶

Beliau menyatakan bahawa fahaman nasionalisme dan kekeluargaan itu adalah harus berpandukan beberapa dalil. Berikut merupakan hujah beliau yang mengharuskan fahaman ini:

- 1) Dengan sebab itu Nabi SAW dan juga *anbiya-anbiya* yang terdahulu daripadanya, telah diutus oleh Allah SWT kepada kaumnya masing-masing supaya dapat diajar dan disusun menjadi suatu bangsa yang hidup, untuk dilaksanakan tujuan-tujuan yang telah ditetapkan di dalam risalah nabi-nabi yang diutus itu, kerana suatu perkara yang mustahil dapat dijalankan kewajipan risalah dengan semata-mata kekuatan iman, jika tidak disertai dengan tarikan kekuatan tabiat yang lahir daripada keturunan darah.⁴⁷
- 2) Kalau sekiranya fahaman kebangsaan dan kekeluargaan bertentangan dengan Islam, tentulah di dalam al-Qur'an tidak diturunkan ayat-ayat seumpama hukum membahagi harta pusaka selepas mati kepada waris-waris bagaimana yang termaklum. Dan tidaklah diturunkan ayat menentukan cara nafkah yang baik ialah mula-mulanya dituju kepada dua ibu bapa dan kerabat-kerabat yang hampir dan sebagainya.⁴⁸

Menurutnya lagi, Islam telah meraikan segala adat resam yang positif dan kemahuan sesuatu bangsa untuk membentuk syariat Islam, justeru itu umat Islam dikehendaki mengekalkan semangat nasionalisme ini dalam menegakkan ajaran al-Qur'an. Nabi-nabi telah diutuskan dan mereka memerhatikan iktikad dan amalan-amalan yang telah

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ *Ibid.*, Bil. 35, edisi rumi, h. 162.

ada pada satu bangsa itu, sekiranya amalan itu baik bagi tujuan kebersihan jiwa, maka ia akan dikekalkan sebaliknya amalan-amalan buruk yang bertentangan, maka Nabi-nabi akan menegah umatnya daripada melakukan perbuatan tersebut.⁴⁹

Justeru itu, beliau telah menolak anggapan yang mengatakan bahawa untuk mengamalkan Islam, seseorang itu perlu menolak semangat nasionalisme sebaliknya hanya perlu kepada Islam semata-mata. Beliau mengemukakan kritikan terhadap dua orang tokoh yang berfahaman sebegini iaitu Sayyid Qutb dan al-Mawdudi.⁵⁰ Menurutnya, pandangan ini adalah menyeleweng dan terpengaruh dengan pandangan-pandangan orientalis yang sengaja ingin menghancurkan semangat orang Islam seperti yang telah ditunjuk oleh Nabi Muhammad SAW. Malah fahaman ini juga bertentangan dengan fitrah yang telah dijadikan oleh Allah serta membawa implikasi yang amat buruk sekali terhadap umat Islam.⁵¹

Hasil penelitian Nik Muhammad Salleh Wan Musa, umat Islam yang menolak fitrah nasionalisme ini akan menjadi umat yang larut dalam ibadah, dengan bersifat zuhud. Mereka juga tidak bercita-cita tinggi malah memadai jika sekadar cukup makan dan minum sahaja untuk menampung keperluan hidup, menyebabkan mereka terpaksa menumpang kepada orang lain yang lebih kuat. Keadaan ini seterusnya hanya akan menguntungkan negara-negara besar dan penjajah yang mengeksploitasikan negara-negara umat Islam yang berfahaman menolak nasionalisme ini sebagai tempat sumber ekonomi dan juga pasaran bagi memasarkan komoditi keluaran mereka. Umat ini juga terpaksa

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ Beliau telah memetik pandangan Sayyid Qutb yang menolak fahaman kebangsaan ini daripada buku *Ma`ālim fī al-Ṭarīq*, lihat Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 34, edisi Jawi, h. 129-130 dan Sayyid Qutb (1983), *Ma`ālim fī al-Ṭarīq*, c.10, Beirut: Dār al-Shurūq, h.158-159.

⁵¹ Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 34, edisi Jawi, h. 130-131.

bergantung hidup dengan bantuan bangsa penjajah dalam pelbagai aspek.⁵² Mereka bukan sahaja tidak berjaya menubuhkan negara Islam yang dicita-citakan bahkan juga kehidupan, kebudayaan dan kekuatan mereka hancur di tangan musuh, serta keadaan mereka tidak lebih daripada sebiji bola yang disepak ke sana ke mari oleh penjajah.⁵³

Beliau bagaimanapun menyatakan bahawa nasionalisme mempunyai batasan iaitu tidak boleh fanatik melulu kepada kaum sendiri atau *`asabiyyah*.⁵⁴ Nasionalisme adalah diharuskan di dalam Islam selagi ia tidak mendorong sesuatu umat itu kepada fanatik kepada kaum. *`Asabiyyah* menurutnya ialah sifat kehaiwanan yang melampau dan ditegah oleh Nabi Muhammad SAW.⁵⁵ Nabi mengarahkan fahaman ini dibersihkan daripada akhlak orang Islam. Beliau turut merasakan bahawa Sayyid Qutb dan al-Mawdudi ini telah tersilap faham antara konsep nasionalisme dan *asabiyyah* atau fanatik.⁵⁶

Selain itu, sekalipun nasionalisme diharuskan dalam Islam, tetapi sesuatu bangsa itu adalah ditegah daripada menzalimi bangsa lain serta tidak boleh juga memandang rendah atau menghina serta mempersendakan kelemahan bangsa lain. Ini merupakan penyakit masyarakat yang mesti dihapuskan.⁵⁷

4.4 Tiada Paksaan Dalam Agama

Dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini, Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah membincangkan mengenai persoalan adakah Islam tersebar dengan mata pedang atau

⁵² *Ibid.*, h. 131.

⁵³ *Ibid.*.

⁵⁴ *Ibid.*, Bil. 35, edisi rumi, h. 164.

⁵⁵ *Ibid.*.

⁵⁶ *Ibid.*.

⁵⁷ *Ibid.*.

kekerasan dalam satu topik khusus yang diberi tajuk *Sebenarkah Sebaran Agama Islam Tidak Mengandung Kekerasan*. Menurut beliau, banyak pendapat alim ulama yang mutaakhir mengatakan bahawa agama Islam berkembang dari zaman Nabi Muhammad SAW hingga zaman kemudiannya, sedikitpun tidak mengandungi kekerasan dengan berdalilkan sebahagian daripada ayat 256 surah al-Baqarah iaitu:

ا
Tiada paksaan dalam agama Islam.

Surah *al-Baqarah* (2): 256

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa lagi, dakwaan ini adalah tidak benar sama sekali. Ini kerana tujuan kebangkitan Nabi Muhammad SAW adalah mengandungi dua kewajipan yang memerlukan pelaksanaan secara lemah lembut dan juga kekerasan seperti yang telah difirmankan Allah Taala dalam ayat 9 surah *al-Saff*:

ا
ا

Ertinya: Ialah Tuhan yang mengutuskan rasulNya dengan petunjuk dan agama yang benar supaya beliau melahirkannya di atas kesemua agama pada keseluruhannya walaupun dibenci oleh kaum yang musyrik.⁵⁸

Surah *al-Saff*(61): 9

⁵⁸ *Ibid.*, Bil. 8, edisi Jawi, h. 27.

Menurutnya, ayat di atas mengandungi dua kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW iaitu merujuk kepada *al-hudā* yang bererti petunjuk,⁵⁹ dan *dīn al-haqq* yang bererti keadilan yang tulen.⁶⁰

Dalam melaksanakan keadilan yang tulen inilah, sedikit kekerasan diperlukan. Bagaimanapun kekerasan tersebut adalah sesuatu yang bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia. Ia bukanlah sesuatu kekerasan atau paksaan yang berlawanan dengan kehendak seseorang dan juga bukan mencabul hak-hak seseorang individu. Ini kerana di dalam diri setiap individu itu telah mengakui akan kebenaran dan keperluan kepada pelaksanaan undang-undang keadilan bertujuan untuk menjamin keselamatan semua umat manusia seperti firman Allah SWT di dalam surah *al-Baqarah* ayat 256:

⁵⁹ Dalam kewajipan pertama ini, Baginda diperintah melaksanakannya dengan perasaan lemah lembut serta penuh kasih sayang untuk memberi kesedaran mengikut kemahuan fitrah ahli-ahli *millah* yang semula jadi, antara pelaksanaannya ialah memberi pendidikan, mengadakan perundingan, mesyuarat dengan ahli-ahli *millah* dengan berpedoman kepada ajaran Nabi masing-masing walaupun terdapat perbezaan istilah yang digunakan dalam menggambarkan hakikat kebenaran dan usul-usul akhlak bagi setiap *millah*. Bahagian petunjuk ini banyak diterangkan oleh Allah dalam firmanNya seperti *al-Nahl*(16):125, *al-Hujurāt*(49):10, *Āli 'Imrān*(3):159, *al-'An'ām*(6):108. Tujuan dakwah ini adalah supaya umat manusia yang berlainan *millah* akan kembali kepada jalan kebenaran seperti yang telah ditetapkan oleh Tuhan dalam kitab-kitab pengajaran Ilahi. Orang-orang yang beriman adalah bersaudara justeru mereka dituntut oleh Allah SWT supaya membimbing yang sebahagiannya supaya sempurna keimanan mereka. Kekerasan tidak boleh digunakan dalam keadaan orang yang tidak beriman itu belum faham sepenuhnya tentang hakikat kebenaran. Jika kekerasan digunakan, dikhuatiri golongan ini terus meninggalkan pendakwah seterusnya menyebabkan ruang dakwah itu terus tertutup rapat. Malah menerusi ayat *al-Mā'idah*(5):2, Allah berpesan supaya orang mu'min terus konsisten dengan adab sopan dalam pergaulan mereka yang luas serta mengandungi pelbagai akidah, adat resam dan kebudayaan walaupun berhadapan dengan pancaroba yang dikenakan oleh orang bukan mu'min ke atas mereka, malah mereka diperintah untuk saling tolong-menolong dalam melaksanakan kebajikan dan saling tidak tolong-menolong dalam melaksanakan bala bencana dan perbalahan antara kaum. Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, dalam ayat *Yūnus*(10):99, Allah menegaskan bahawa Dia tidak menghendaki setiap manusia yang berada di dunia ini sama dalam pengetahuan dan keyakinan, jadi adalah aneh jika setiap manusia dipaksa dengan kekerasan supaya beriman seperti keimanan Nabi Muhammad, bagaimanapun Baginda ditugaskan untuk menunjuk, dan memimpin manusia mengikut kelayakan dan kebolehan yang ada pada manusia tersebut dan melakukan tindakan untuk menuju cita-cita dalam hidup. Bagaimanapun, perdebatan adalah tidak termasuk dalam bahagian petunjuk ini, kerana perdebatan antara golongan mu'min dengan golongan kafir akan meluaskan lagi jurang pertentangan antara kedua-dua belah pihak seterusnya tidak akan mendatangkan natijah yang lebih baik kepada mereka. Pendakwah yang mengaplikasikan bahagian petunjuk ini juga hendaklah menunjukkan contoh teladan yang baik dan menyeru serta menarik ahli *millah* ke dalam kumpulan mereka, dan hendaklah menghindari sifat-sifat keji seperti memburuk-burukkan dan menyalah-nyalahkan orang lain ataupun menegakkan sesuatu kehendak dengan melakukan perdebatan. Lihat Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 12-13.

⁶⁰ *Ibid.*, Bil. 11, edisi Jawi, h. 40.

â

Ertinya: Tidak ada paksaan di dalam urusan keadilan sesungguhnya telah ternyata kebenaran itu daripada kesesatan.⁶¹

Surah *al-Baqarah* (2): 256

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa keadilan yang tulen akan tercapai melalui undang-undang pembentukan masyarakat yang mengandungi sedikit kekerasan dalam pelaksanaannya. Undang-undang ini mesti dibentuk bersesuaian dengan fitrah semulajadi setiap individu dengan berdasarkan apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.⁶² Ini adalah berdasarkan ayat 30 surah *al-Rūm*:

â

Ertinya: Hendaklah engkau tegakkan haluan di dalam *dīn ḥanīfī* mengikut ciptaan Allah yang telah menciptakan manusia di atas bentukannya yang tidak berlainan antara makhluk Allah itu. Itulah dia *dīn* yang sebenar.⁶³

Surah *al-Rūm* (30): 30

Nik Muhammad Salleh Wan Musa menegaskan bahawa dalam ayat di atas ini, Allah menjelaskan bahawa setiap manusia mestilah menegakkan haluan hidup mereka berpandukan semangat kemanusiaan yang satu iaitu fitrah.⁶⁴

Allah menciptakan manusia sebagai makhluk yang tidak boleh hidup bersendirian tetapi memerlukan kepada pertolongan manusia lain sejenisnya. Mereka sentiasa

⁶¹ *Ibid.*, Bil. 14, edisi Jawi, h. 52.

⁶² *Ibid.*, Bil. 13, edisi Jawi, h. 48.

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ *Ibid.*

berinteraksi dengan sesama mereka kerana setiap keperluan hidup hanya tercapai setelah adanya usaha mengkaji, menyasat dan mencipta.⁶⁵ Dalam interaksi itu, mereka mempunyai fitrah yang sama dalam meletakkan asas untuk menentukan sesuatu perkara itu baik atau buruk. Mereka menentang kepada setiap yang membuat sesuatu yang tidak baik kepadanya dengan tentangan yang sewajarnya.⁶⁶

Bagaimanapun, sekalipun mereka meletakkan asas yang sama bagi mengatakan sesuatu yang baik atau buruk atas dasar fitrah, tetapi pelaksanaannya adalah berbeza antara satu sama lain dan tidak serupa.⁶⁷ Nik Muhammad Salleh Wan Musa mengemukakan contohnya tentang penentangan mereka terhadap zina dan curi. Atas dasar fitrah, mereka bersetuju menakutkan orang-orang yang melakukan zina dan curi tetapi mereka berselisih mengenai cara pelaksanaannya, setengah daripada mereka memilih cara merejam dengan batu bagi mereka yang berzina dan memotong tangan bagi mereka yang mencuri manakala setengah mereka pula memilih cara pukulan yang memedihkan atau cara menahan dalam kurungan-kurungan yang memberi keazaban kepada pesalah.⁶⁸

Secara fitrahnya, setiap manusia mempunyai perasaan dan akidah kemanusiaan yang sama terhadap manusia sejenisnya, dengan sebab itu setiap perkara yang dibenci orang lain lakukan ke atas dirinya, dia juga merasa berdosa sekiranya dia melakukan perkara yang sama kepada orang lain.⁶⁹

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ *Ibid.*, Bil. 14, edisi Jawi, h. 49.

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ *Ibid.*, h. 51.

Justeru itu, Nik Muhammad Salleh Wan Musa menegaskan undang-undang keadilan yang mengandungi kekerasan yang terdapat dalam Islam merupakan undang-undang yang memenuhi fitrah manusia. Menurutnya lagi, manusia memang mampu mereka banyak undang-undang tetapi jika tidak merujuk kepada sumber yang asli iaitu al-Qur'an dan utusan Nabi Muhammad SAW, pasti ada kecacatan pada undang-undang tersebut. Ini menyebabkan ahli masyarakat dari semua golongan tidak bersedia untuk mengakui serta mematuhi undang-undang tersebut. Malah undang-undang tersebut mungkin tidak memenuhi fitrah naluri seseorang individu itu.⁷⁰

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa lagi, dengan adanya fitrah sejak seseorang manusia itu lahir lagi, maka Allah telah mewujudkan undang-undang untuk memberi keadilan di atas fitrah tersebut sebagaimana yang terkandung dalam al-Qur'an.⁷¹ Setiap manusia pula telah mengenal hakikat diri masing-masing dan dari pengenalan itulah mereka bersedia patuh kepada kehendak fitrah demi mencapai kemerdekaan, kemakmuran dan kebahagiaan semua umat manusia.⁷²

Kemakmuran dan kebahagiaan akan dapat dicapai sekiranya semua manusia bertindak mengikut fitrah yang dikurniakan oleh Allah, namun begitu sekiranya terdapat manusia yang melampaui batas dan melawan fitrah tersebut, kemudaratanya akan dirasai oleh seluruh ahli masyarakatnya. Nik Muhammad Salleh Wan Musa menamakan golongan yang suka melawan fitrah dan berbuat kemudaratan ini sebagai golongan yang bodoh dan

⁷⁰ *Ibid.*, Bil. 13, edisi Jawi, h. 47.

⁷¹ *Ibid.*, Bil. 14, edisi Jawi, h. 51.

⁷² *Ibid.*

jahat.⁷³ Justeru itu, undang-undang keadilan yang mengandungi kekerasan perlu dikenakan ke atas mereka ini demi mencapai kemakmuran sejagat.

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, golongan bodoh ini ialah golongan hampir martabatnya dengan binatang, masyarakat manusia mengakui tentang kelemahan tabiatnya yang semula jadi dan cacat akal fikirannya. Mereka selalu melakukan perbuatan-perbuatan yang menunjukkan kebodohan mereka atau perbuatan-perbuatan yang sesungguhnya berpusing jauh dari asas-asas pentadbiran yang baik yang diakui oleh umat manusia itu.⁷⁴

Golongan jahat pula menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, merupakan golongan yang jika diselidiki dengan baik, mereka juga beriktikad dengan asas-asas pentadbiran-pentadbiran yang baik itu, tetapi mereka telah dipengaruhi oleh hawa nafsu sehingga sanggup menentang kepercayaan mereka sendiri, seolah-olah mereka telah mengakui dan bahawa menyaksi yang diri mereka sebenar-benarnya manusia yang jahat.

Sebagai contoh, golongan jahat ini melakukan perbuatan zina dengan anak-anak perempuan orang dan saudara-saudara perempuan orang, kemudian mendiamkan diri dan membisukan seolah-olah mereka tidak melakukan kesalahan terhadap masyarakat. Bagaimanapun jika seseorang yang lain melakukan zina dengan anak perempuan atau saudara perempuannya, mereka akan menzahirkan dengan kemarahan yang amat berbeza, dengan kesedaran perbuatannya sendiri itu dan mereka juga ketahui dengan yakin bahawa manusia kesemuanya akan merasai sengsara sebagaimana dia merasai dengan yang

⁷³ *Ibid.*, h. 50.

⁷⁴ *Ibid.*, Bil. 14, edisi Jawi, h. 50.

demikian. Mereka telah dibutakan mata hati oleh hawa nafsu yang jahat itu sahaja. Demikian juga halnya tentang perbuatan mencuri, merampas, menyamun, dan sebagainya. Mereka melakukan segala kesalahan-kesalahan itu di dalam kesedaran bukan di dalam keadaan yang tidak siuman, atau hilang akal atau sebagainya.⁷⁵

Nik Muhammad Salleh Wan Musa turut memberikan perbuatan contoh bagi golongan bodoh dan jahat ini yang sepatutnya dikenakan hukuman keras bagi membendungnya daripada terus berleluasa dalam masyarakat. Antara yang disifatkan termasuk dalam dua golongan ini ialah mereka yang suka mencuri dan mencari wang dengan jalan riba. Sekiranya mereka dibiarkan atau diberi kebebasan penuh dan tidak dikenakan dengan undang-undang kekerasan, ini akan membawa kemudaratan kepada masyarakat.⁷⁶

Menurutnya lagi, Allah telah memerintah kepada Nabi Muhammad SAW supaya melaksanakan undang-undang keadilan bagi menjamin kebahagiaan dan ketenteraman semua pihak walaupun secara kekerasan seperti dalam firmanNya dalam surah *al-Tawbah* ayat 29:

فَعَلُوا

Ertinya: Hendaklah kamu lakukan kekerasan terhadap mereka yang tidak beriman dengan ajaran Allah dan juga tidak beriman dengan kebangkitan Nabi akhir zaman dan tidak mengharamkan sesuatu yang telah diharam oleh Allah dan rasulNya dan tidak berbuat adil mengikut undang-undang keadilan yang tulen, dari golongan

⁷⁵ *Ibid.*, Bil. 14, edisi Jawi, h. 50.

⁷⁶ *Ibid.*, h. 51.

mereka yang telah dikurniakan kitab-kitab sehingga mereka membayar cukai jizyah serta mereka berhidup dengan hina dina.⁷⁷

Surah *al-Tawbah*(9): 29

Sekiranya undang-undang keadilan ini tidak diizinkan untuk dilaksanakan secara kekerasan, tentulah mustahil sebuah masyarakat yang sebenar-benar adil, bahagia, dan merdeka dapat dibentuk kerana kadang-kadang dengan sebab seorang yang jahat itu boleh merosakkan satu kumpulan, dan sekumpulan manusia yang jahat itu pula boleh meruntuhkan tamadun dan menghancurkan sebuah negara.⁷⁸

Justeru itu menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, alim ulama yang berhujah bahawa agama Islam tidak mengandungi sedikitpun kekerasan dengan menggunakan dalil ayat 256 surah *al-Baqarah* tersebut telah cuai mempertahankan agama Islam dan tidak menghiraukan ajaran al-Qur'an dan teladan Nabi Muhammad SAW.⁷⁹

Nik Muhammad Salleh Wan Musa menyifatkan ulama yang mentakwilkan ayat tersebut telah terpengaruh dengan ilham kaum orientalis yang bertujuan untuk menegakkan semangat kebebasan beragama yang tidak terbatas, serta mengawal kehormatan dan kepentingan bangsa mereka yang hendak bermastautin atau hendak datang melawat ke sebuah negara Islam. Dengan kebebasan beragama yang tidak terbatas, mereka bebas melakukan segala rupa maksiat dan mengikut hawa nafsu mereka di dalam masyarakat Islam, tetapi mereka tetap terjamin selamat daripada apa-apa hukuman, denda atau sebagainya dengan menggunakan alasan hak kebebasan beragama.⁸⁰ Antara sarjana barat

⁷⁷ *Ibid.*, h. 51-52.

⁷⁸ *Ibid.*, h. 52.

⁷⁹ *Ibid.*, Bil. 11, edisi rumi, h. 40.

⁸⁰ *Ibid.*, Bil. 15, edisi Jawi, h. 53.

yang menyatakan bahawa jihad umat Islam adalah bertujuan untuk menyebarkan Islam menerusi mata pedang adalah D. B. Macdonald.⁸¹ Selain itu R. Bostworth Smith pula menyatakan bahawa hanya Nabi Muhammad SAW sahaja yang cuba menyebarkan agama Islam secara kekerasan.⁸²

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa lagi, ilham dan tipu helah polisi kaum orientalis ini telah mempengaruhi jiwa alim ulama Islam sehingga menyebabkan mereka lupa kepada ajaran al-Qur'an dan sunnah Nabi SAW. Malah menurutnya lagi dengan hilangnya semangat jihad bagi menegakkan undang-undang keadilan yang tulen seperti yang dituntut oleh al-Qur'an di dalam jiwa umat Islam pada akhir zaman ini, maka semangat atau keinginan untuk mewujudkan pemerintahan Islam, serta melaksanakan syariat Islam yang telah ditetapkan oleh al-Qur'an turut lenyap sama sekali.⁸³

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa juga, jihad dalam agama atau unsur kekerasan dalam menegakkan keadilan bukanlah hanya terdapat dalam al-Qur'an bahkan telah terdapat dalam kitab petunjuk dalam agama lain seperti dalam kitab agama Hindu. Berikut merupakan petikan tulisan beliau mengenai jihad dalam agama lain:

Di dalam kitab Baghavad Gita (kitab agama Hindu) muka 52 bahasa Hindustani Sri Krishnaji telah memerintah Arjuna supaya berjihad untuk menyelamatkan manusia dari tindasan golongan yang zalim, tetapi pengajaran ini telah berlaku beberapa perubahan setelah Mahatma Budha sehingga difahamkan bahawa jihad itu suatu perbuatan menyakiti nyawa khususnya kepada umat manusia mereka telah tidak dapat membeza lagi di antara perbuatan yang dikatakan menyakiti dan perbuatan yang disifatkan berakhlak. Dengan sebab itu pengikut-pengikut Budha yang terpesong dari

⁸¹ Mustaffa Abdullah (2005), *Jihad dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 81.

⁸² *Ibid.*

⁸³ Lihat Nik Muhammad Salleh Wan Musa(t.t), *op.cit.*, Bil. 15, h. 54.

ajaran agamanya telah hilang polisi hidup yang sesuai dengan kehendak fitrah dan sifat ihsan.⁸⁴

Beliau menyifatkan pelaksanaan *dīm al-ḥaqq* atau undang-undang keadilan yang tulen dalam masyarakat adalah seperti pagar yang diperlukan bagi memelihara tanaman, dan hidayah itu ialah umpama pokok yang hendak ditanam. Pokok itu tidak akan sempat subur sekiranya tidak didirikan pagar untuk menyelamatkannya daripada bencana yang akan menimpa pokok itu.⁸⁵

Sayyid Qutb dalam bukunya *Ma`ālim fi al-Ṭarīq* turut mempunyai pendapat yang senada dengan beliau berkenaan persoalan jihad dan kebebasan beragama. Sayid Qutb menyanggah pendapat mereka yang menulis tentang jihad dalam Islam dan mencampur adukkan antara permasalahan jihad dengan dasar tiada paksaan dalam Islam. Golongan ini hanya menyempitkan permasalahan jihad hanya kepada tujuan untuk mempertahankan Islam daripada serangan musuh sedangkan konsep jihad yang sebenarnya ialah untuk menghancurkan kekuatan dan kekuasaan politik yang bersifat menghalang manusia daripada menganut Islam serta mengarahkan manusia saling menghambakan diri kepada manusia.⁸⁶ Manakala persoalan tiada paksaan dalam Islam merupakan perkara lain yang tidak ada kaitan dengan peperangan umat Islam pada zaman sekarang.⁸⁷

Dalam realiti hari ini, ramai sekali orang Islam yang menyatakan bahawa Islam tidak tersebar dengan mata pedang atau kekerasan berdasarkan ayat 256 surah *al-Baqarah* ini, dengan tujuan untuk menjawab tuduhan-tuduhan orientalis yang mengatakan Islam

⁸⁴ *Ibid.*, Bil. 17, edisi Jawi, h. 63-64.

⁸⁵ *Ibid.*, Bil. 17, edisi Jawi, h. 64.

⁸⁶ Sayyid Qutb (1986), *op.cit.*, h. 66.

⁸⁷ *Ibid.*

tersebar dengan mata pedang atau Islam merupakan agama keganasan. Bagaimanapun jawapan daripada para ulama seperti Nik Muhammad Salleh Wan Musa mampu menangkis tuduhan yang tidak berasas ini.

4.5 Memerangi Taklid Buta

Antara ciri-ciri pemikiran *islah* ialah seruan kembali kepada al-Qur'an dan al-sunnah serta menghapuskan sikap bertaklid buta. Dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini, Nik Muhammad Salleh Wan Musa banyak menekankan tentang kepentingan berfikir dan keperluan membebaskan fikiran daripada taklid buta dan tercelup dalam perangkap orientalis yang mahu memandu fikiran umat Islam sebagaimana yang mereka kehendaki.

Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, al-Qur'an telah diturunkan mengikut ukuran pengetahuan fitrah semula jadi manusia sejak lahir lagi, namun begitu al-Qur'an tidak menghalang manusia yang layak berfikir untuk memahami pengetahuan yang layak baginya.⁸⁸ Allah sentiasa menggalakkan hambaNya untuk berfikir dan mengkaji hikmah yang terkandung di dalam al-Qur'an sehalus-halusnya. Ini adalah berdasarkan firmanNya dalam ayat 9 surah *al-Zumar*, yang membandingkan antara golongan berilmu dengan yang tidak berilmu dan ayat 11 surah *al-Mujādalah* yang menerangkan bahawa Allah telah mengangkat darjat mereka yang beriman dan berilmu.⁸⁹

⁸⁸ *Ibid.*, Bil. 32, edisi Jawi, h. 122.

⁸⁹ *Ibid.*

Selain itu banyak lagi ayat-ayat yang memerintahkan supaya manusia mengkaji dan menyelidiki ilmu pengetahuan dan jalan untuk menggunakan nikmat Allah di dunia ini.⁹⁰ Ini jelas menunjukkan bahawa Allah tidak membataskan kemampuan pemikiran manusia untuk menyelidik dan menggali ilmu pengetahuan sama ada yang zahir dan batin kecuali perkara ghaib.⁹¹

Beliau turut mengecam sikap alim ulama yang silap dalam mentafsirkan beberapa ayat al-Qur'an kerana kejahilan mereka sendiri.⁹² Menurutny lagi, ilmu tafsir itu akan beransur-ansur kurang dan hilang sama sekali sekiranya ulama-ulama tafsir membawa jalan tafsir mereka jauh daripada asas syariat.⁹³

Seruan berfikir ini mestilah berpandukan kepada al-Qur'an dan al-sunnah supaya kemajuan yang dicapai dalam bidang teknologi membantu manusia dalam mencapai kebahagiaan, bukan sebaliknya memusnahkan keamanan manusia dan dunia. Beliau menyatakan sekiranya manusia hari ini tidak mengikuti ajaran Nabi terdahulu, masyarakat manusia yang hidup bahagia tidak dapat dibangunkan walaupun mereka memiliki teknologi

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ *Ibid.*

⁹² Antara ayat yang disalah tafsirkan menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa ialah ayat *al-Baqarah* (2): 185 dan *al-Isra'* (17): 85. Ayat *al-Baqarah* (2): 185 adalah berkenaan penentuan bulan Ramadhan. Menurutny alim ulama Islam telah mengatakan untuk menentukan bulan Ramadhan, mestilah disahkan dengan dengan *ru'yah* padahal kesilapan selalu berlaku jika menggunakan *ru'yah* yang akhirnya menyebabkan masyarakat tidak akan tenteram kerana tidak ada satu anggaran yang tepat yang boleh dipegang dalam menentukan puasa dan hari raya. Maksud sebenar ayat ini menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa tidak sedikitpun memberi pengertian bahawa perlu melihat anak bulan untuk mengetahui waktu hendak berpuasa dan berhari raya, yang dimaksudkan oleh ayat ialah sesiapa yang menyaksi dengan yakin akan masuknya bulan Ramadhan samada jalan *ru'yah*, atau hisab, atau jalan yang pernah digunakan oleh sesuatu umat yang boleh dijadikan asas bagi keyakinan mereka, maka mereka hendaklah berpuasa. Beliau turut menempelak segelintir alim ulama yang membataskan maksud ayat tersebut sebagai *ru'yah* semata-mata adalah memusingkan jarum jam ke belakang. Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *op.cit.*, Bil. 32, h. 120 dan 123.

⁹³ *Ibid.*, Bil. 33, edisi Jawi, h. 127.

yang canggih yang tidak pernah dimiliki oleh masyarakat dahulu kala.⁹⁴ Kemajuan yang dicapai dalam bidang kebendaan dan teknologi untuk alat dan jalan kebahagiaan manusia, tetapi meninggalkan pembangunan akal dan akhlak adalah berlawanan dengan maksud yang telah ditetapkan oleh ayat 29 surah *al-Baqarah*. Malah seseorang individu itu tidak akan mencapai kebahagiaan jika memiliki kekayaan harta tetapi tidak memiliki akhlak yang mulia.⁹⁵ Beliau menyeru manusia kepada al-Qur'an seperti berikut:

Dengan sebab itulah tiap-tiap seorang manusia dari mulai sempurna akal dan layak memikir, hendaklah dipimpin dan diarahkan fikirannya supaya menumpu kepada jalan pemikiran yang telah ditetapkan oleh Tuhan bagaimana yang terkandung di dalam kitab-kitab Ilahi dan khususnya kitab al-Qur'an al-Hakim. Dengan tertanam cara al-Qur'an ilah akan membuahakan panduan bagi seseorang itu di dalam segala urusan hidupnya. Inilah pengajaran yang dimaksudkan di dalam al-Qur'an bagaimana firmanNya:

﴿ ٤٤ ﴾

Ertinya: Sungguhny mereka-mereka yang beriman itu ialah mereka-mereka yang beriman dengan ajaran Allah dan rasulNya kemudian tidaklah mereka merasa ragu serta mereka berjihad dengan harta benda mereka dan jiwa mereka di dalam polisi Allah.⁹⁶

Surah *al-Hujurat*(40):15

Nik Muhammad Salleh Wan Musa juga telah membuat seruan kepada umat Islam supaya mendalami sesuatu ilmu itu menurut kacamata Islam terlebih dahulu sebelum mempelajarinya dari sudut pandangan barat. Contohnya dalam bidang falsafah, beliau menyeru umat Islam dan Melayu supaya mempelajari falsafah Islam dari akar umbi terlebih dahulu, sebelum menuntut ilmu falsafah barat. Falsafah barat menurutnya telah mencedok dan mengubahsuai falsafah Islam terutamanya daripada ahli falsafah Islam yang terkemuka

⁹⁴ *Ibid.*, Bil.1, edisi rumi, h. 2.

⁹⁵ *Ibid.*, h. 2.

⁹⁶ *Ibid.*, h. 3.

iaitu Ibn Khaldun. Ini kerana apa yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun itu bersesuaian dengan kehendak dan kemahuan mereka, malah idea yang mempunyai persamaan itu diterima baik oleh negara-negara penjajah negara Islam, seterusnya mengakibatkan negara seperti Mesir, Iraq, Syria, dan Mekah pada masa tersebut telah membelakangkan pengajian agama secara *tafaqquh* dan *taḥqīq* dan menggantikannya dengan sains dan teknologi.⁹⁷

Nik Muhammad Salleh Wan Musa turut menolak pemikiran segelintir ulama Islam yang bersekongkol dengan pemikiran sarjana barat yang mengenyahkan dasar al-Qur'an dan al-sunnah dalam pengembangan ilmu pengetahuan semata-mata untuk mendapat dana sokongan.⁹⁸ Barat yang sememangnya ingin membuang ruh al-Qur'an dari jiwa umat Islam telah memberi bantuan berbentuk wang atau buku-buku untuk menubuhkan Fakulti Pengajian Islam di universiti-universiti untuk mengukuhkan fahaman mereka. Justeru itu pengajian Islam dan ilmu-ilmu Islam di Fakulti Pengajian Islam di universiti tersebut adalah berdasarkan kaca mata ahli falsafah barat semata-mata dan bukan mengikut panduan daripada ahli al-sunnah wa al-jamaah.⁹⁹

Oleh itu Nik Muhammad Salleh Wan Musa menyeru supaya umat Islam dan orang Melayu supaya sedar dengan segala tipu daya pihak musuh yang ingin menghancurkan Islam dan segera berusaha menyelidik dan mengkaji agama Islam menurut tafsiran dari sahabat-sahabat dan *tābi`īn* dan *tābi` tābi`īn* dalam golongan ahli al-sunnah wa al-jamaah.¹⁰⁰

⁹⁷ *Ibid.*, Bil. 6., edisi Jawi, h. 17

⁹⁸ *Ibid.*, Bil. 8, edisi Jawi, h. 25.

⁹⁹ *Ibid.*, h. 26.

¹⁰⁰ *Ibid.*, h. 26

Beliau juga banyak sekali mengkritik tindakan umat Islam yang dirasakan tidak mengikut sunnah Rasulullah yang akhirnya menyebabkan kegagalan dan kemunduran umat Islam itu sendiri. Contohnya dalam pendekatan dakwah umat Islam hari ini, beliau menyifatkan ia gagal kerana dakwah tidak dilaksanakan sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Menurut beliau, dakwah yang dijalankan Baginda adalah untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu dalam mengembangkan ajaran-ajaran Ilahi, dan bertujuan untuk menjamin hak-hak keadilan dan kasih sayang kepada seluruh umat manusia dan sekalian makhluk Allah, serta membetulkan segala penyelewengan yang telah dilakukan oleh umat-umat yang berlainan keturunan dan adat resam dalam millah masing-masing sebagai suatu keluarga yang dekat supaya bersatu dengan kaedah mesyuarat, bertukar-tukar fikiran dan berkasih sayang yang akhirnya melahirkan kebenaran pada setiap individu dan mencipta semangat persaudaraan, bertanggungjawab, taat setia dan patuh kepada Nabi Muhammad SAW dan al-Qur'an.¹⁰¹

Bagaimanapun, dakwah pada hari ini adalah hanya mengiklankan gambar tauhid, akhlak, dan hukum-hakam tanpa mengikut langkah-langkah dan susunan yang betul untuk melaksanakannya hingga ke peringkat khilafah. Usaha ini menurutnya tidak mendapat kejayaan malah sia-sia dan membawa kepada perpecahan dalam masyarakat. Ini kerana dakwah mereka menggunakan kaedah perdebatan yang akhirnya menyebabkan permusuhan antara pendakwah dan masyarakat.¹⁰²

Kegagalan menyusun gerak kerja dakwah mencontohi dakwah Rasulullah SAW juga melahirkan umat Islam yang hanya mampu bertaklid dan tidak mampu berjihad

¹⁰¹ *Ibid.*, Bil. 9, edisi Jawi, h. 29-31.

¹⁰² *Ibid.*, h. 30.

sendiri. Gejala taklid buta akan terus berleluasa sekiranya golongan yang diseru untuk menerima dakwah tidak diberi peluang untuk meneroka fikiran dan fitrah mereka sendiri, sebaliknya dipaksa menerima bulat-bulat apa yang diajarkan kepada mereka.

Justeru itu, dapatlah difahami bahawa Nik Muhammad Salleh Wan Musa sangat inginkan umat Islam kembali kepada sunnah dan menghidupkan budaya berfikir, berijtihad dan mencari ilmu seterusnya tidak terpengaruh dengan segala tipu daya pihak musuh yang sememangnya sudah lama bercita-cita melihat umat Islam kembali mundur.

4.6 Kesimpulan

Setelah diteliti pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an* mempunyai keunikan tersendiri, yang lahir daripada hasil pemahaman beliau sendiri. Beliau menekankan keperluan manusia kepada golongan nabi dan *al-mufahhamūn* yang menjadi panduan kepada manusia untuk melayari kehidupan dengan teratur dan mengikut kehendak Allah. Golongan *al-mufahhamūn* mempunyai kefahaman dan peranan yang sama bagi menunjukkan setiap umat umat Islam ke jalan yang benar.

Beliau turut mempunyai analisis yang tersendiri ketika membicarakan persaudaraan Islam. Kesatuan umat hanya akan tercapai dengan membentuk persaudaraan Islam yang terdiri daripada penganut *millah* lain, bagaimanapun keimanan mereka tidak memadai tetapi mereka perlu menyempurnakan iman yang telah ada dalam dada mereka masing-masing mengikut pengetahuan khusus.

Beliau turut mampu menangkis dakwaan bahawa Islam tersebar dengan kekerasan dengan menjelaskan bahawa kekerasan yang terdapat dalam Islam merupakan sesuatu yang bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia.

Beliau menyifatkan nasionalisme adalah sesuatu yang diharuskan dalam Islam selagi tidak fanatik terhadap bangsa sendiri dan tidak berbuat zalim kepada bangsa lain.

Beliau turut menyeru umat Islam supaya mencari ilmu, dan kembali kepada al-Qur'an dan al-sunnah. Jika tidak berbuat demikian, nescaya umat Islam mudah terpedaya dengan dakyah penjajah dan orientalis.

Berdasarkan pengamatan penulis, Nik Muhammad Salleh Wan Musa mempunyai tafsiran tersendiri dalam setiap isu-isu yang dikemukakan tersebut. Pandangannya yang tidak sama dengan pandangan kebanyakan orang lain mengundang pelbagai tuduhan dan kritikan terhadap dirinya sepanjang hayat beliau.